

Kemakmuran wujudkan pemikiran mahu kaya cepat tanpa usaha - PM

UM 20 AUG 1985

KUALA LUMPUR 19 Ogos - Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad malam ini mendakwa bahawa kemakmuran Malaysia telah mewujudkan antara lain pemikiran mahu menjadi kaya cepat tanpa usaha. "Ini merupakan pemiki-

ran yang tidak sihat dan akan membawa kepada tindakan pemalsuan. Kemakmuran yang dibina di atas keponsuan tidak akan tahan lama dan akan runtuh dengan banyak kerugian," kata Perdana Menteri. Berucap di majlis makan

malam tahunan institusi-institusi kewangan Malaysia di Hotel Shangri-La beliau menyatakan bahawa tidak lama dahulu seorang British telah bertindak membeli banyak syarikat dan mengam-bilalih berbagai jenis harta yang mengakibatkan banyak syarikat besar tutup di

seluruh dunia termasuk di Timur Jauh.

"Sekarang di Malaysia terdapat orang tertentu yang membeli sebuah syarikat yang diperalatkan (listed vehicle) untuk membeli harta lain, menilai semula dan bercantum dengan syarikat lain bagi membent-

uk sebuah empayar perniagaan di mana keuntungan diperolehi melalui penilaian semula dan pendapatan modal.

"Hakikatnya, pada kebanyakan keadaan, tidak berlaku perniagaan sebenar, tidak ada pertambahan daya pengeluaran, pembuatan

jualan atau eksport kerana yang berlaku hanyalah harta-harta dinilai semula sungguhpun nilai sebenarnya kekal dan orang-ramai selalunya tersalah gambaran dengan peningkatan nilai saham," ujar beliau.

Perdana Menteri berkata, "kekayaan kertas" ini tidak

boleh menjadi ganti kepada kekayaan sebenar kerana satu sen tidak boleh dipanggil sebagai satu ringgit di mana harta sebenar adalah himpunan dan daya pengeluaran bertambah yang meningkatkan nilai saham.

Beliau menyeru ahli-ahli bank sebagai pelindung kekayaan negara mengawal supaya amalan itu tidak berlaku serta berhati-hati supaya mereka secara tidak sedar terlibat dengan amalan seumpama itu.

Perdana Menteri juga menyatakan bahawa menjelang tamatnya tempoh Rancangan Malaysia Keempat, negara ini berada di ambang zaman yang tidak menentu yang tergambar dalam bentuk politik dan kewangan.

Meningkat

Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan bahawa sungguhpun pertumbuhan ekonomi dunia lembab, Malaysia berupaya untuk mengekalkan pertumbuhannya kepada lebih 5 peratus setahun dan inflasi merosot kepada peringkat negatif.

"Ini semua disebabkan oleh langkah penjimatan kerajaan, bayaran kurangan fizikal dan imbangannya telah dikurangkan malah simpanan luar Bank Negara meningkat hampir \$1 ribu juta ringgit sejak awal tahun ini.

"Pada peringkat dasar, kerajaan telah mengurangkan cukai termasuk cukai pendapatan, pemotongan kadar elektrik dan perhubungan, meningkatkan tarif bagi membantu pengeluaran tempatan utama dan memperbaiki penyertaan ekuiti asing dalam industri kita," ujar beliau.